



United Malacca Berhad

Reg.No:191001000010 (1319-V)

KOD AMALAN PEMBEKAL (SCOC)

PENGENALAN

Kod Amalan Pembekal (SCOC) UMB menyediakan satu set peraturan untuk menyokong komitmen UMB bagi memastikan produknya dihasilkan dengan cara yang mampan.

UMB mengharapkan semua pembekalnya menghormati dan menerima pakai prinsip SCOC ini dalam operasi dan rantaian bekalan mereka.

SKOP

SCOC ini terpakai kepada semua pembekal (mana-mana entiti yang menjual barang atau menyediakan perkhidmatan) kepada semua operasi UMB berkaitan minyak sawit, anak syarikatnya, usaha sama dan syarikat di mana UMB mempunyai kawalan pengurusan.

PRINSIP

1. Peraturan dan Pematuhan

- 1.1 Mematuhi semua undang-undang tempatan, negeri, negara dan undang-undang antarabangsa yang berkenaan.
- 1.2 Mematuhi keperluan *Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO)*
- 1.3 Memenuhi kualiti dan piawaian yang diperlukan oleh UMB.
- 1.4 Menyediakan kebolehkesanan bahan di mana mungkin apabila diperlukan.

2. Pengurusan Alam Sekitar dan Biodiversiti

- 2.1 Tiada pembangunan baru di kawasan yang diklasifikasikan sebagai:
 - Nilai Konservasi Tinggi (HCV)
 - Tanah gambut tanpa mengambil kira kedalaman.
- 2.2 Komitmen kepada pembakaran sifar dalam penyediaan tanah.
- 2.3 Meminimumkan penggunaan racun makhluk perosak dan bahan kimia berbahaya.

3. Hak Asasi Manusia dan Hak Komuniti Tempatan

- 3.1 Tiada diskriminasi berdasarkan kaum, kewarganegaraan, agama, jantina, keupayaan fizikal, umur, keahlian kesatuan atau fahaman politik.
- 3.2 Menjunjung hak dan menghormati semua peringkat pekerja, termasuk pekerja kontrak, pekerja sementara dan pekerja asing.
- 3.3 Melarang semua pengambilan buruh haram, paksa, terikat atau buruh kanak-kanak.
- 3.4 Memastikan tiada sekatan terhadap kebebasan pergerakan pekerja.

- 3.5 Menghormati kebebasan pekerja untuk menyertai kesatuan sekerja pilihan mereka dan berunding secara kolektif.
- 3.6 Upah dan semua bayaran berkanun yang berkaitan dibuat mengikut perundangan negara.
- 3.7 Semua kontrak pekerjaan didokumenkan.
- 3.8 Melarang penahanan gaji pekerja, pasport atau dokumen pengenalan diri, melainkan diperuntukkan oleh undang-undang.
- 3.9 Menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat, bebas daripada keganasan dan gangguan seksual.
- 3.10 Menghormati dan mengiktiraf hak-hak formal dan adat masyarakat pribumi dan tempatan ke atas tanah, melaksanakan hak *Free, Prior and Informed Consent (FPIC)* mereka dalam semua rundingan sebelum memulakan sebarang operasi baharu.

4. Integriti Perniagaan

- 4.1 Pembekal hendaklah komited kepada [Polisi Anti Rasuah UMB](#) yang bertujuan untuk mematuhi nilai etika secara konsisten dalam operasinya. Ini termasuk mematuhi semua undang-undang yang terpakai dan khususnya Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.
- 4.2 Pembekal UMB, rakan perniagaan atau rakan sekutu lain tidak boleh menawarkan atau memberi rasuah, dan tidak boleh meminta, atau menerima rasuah.
- 4.3 Pembekal tidak boleh mendedahkan, menyalin, mengklon, atau mengubah suai mana-mana maklumat sulit yang berkaitan dengan UMB dan bersetuju untuk tidak menggunakan sebarang maklumat tersebut tanpa mendapatkan kebenaran. Maklumat sulit merujuk kepada sebarang data dan/atau maklumat yang berkaitan dengan UMB, dalam sebarang bentuk, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, lisan atau bertulis seperti penemuan, proses, teknik, program, pangkalan pengetahuan, senarai pelanggan, bakal pelanggan, rakan kongsi perniagaan, atau sebarang perkhidmatan lain berkaitan dengan UMB. Pembekal hendaklah menyerahkan semula semua maklumat sulit selepas selesai atau penamatan kerja.

KEWAJIPAN

5. Ketelusan

- 5.1 Pembekal hendaklah mematuhi [Complaints and Grievances Procedure](#) yang mendokumentkan carta alir proses untuk pengurusan aduan.
- 5.2 Pembekal hendaklah bekerjasama dengan UMB dalam menyelesaikan sebarang aduan yang dibangkitkan terhadap mereka.

6. Pengesahan

- 6.1 Setiap kali ada permintaan atau keperluan daripada UMB, pembekal mestilah menyediakan dokumen yang menunjukkan pematuhan dengan SCOC UMB.
- 6.2 Pembekal hendaklah membenarkan UMB atau mana-mana auditor atau pihak ketiga yang dilantik untuk menjalankan audit tapak atau melawat tempat perniagaan pembekal jika perlu.

7. Mekanisme Pelaporan

- 7.1 Pembekal hendaklah melaporkan dengan segera sebarang penipuan/ salah laku yang diketahui dan/ atau disyaki atau pelanggaran SCOC kepada UMB melalui mekanisme pelaporan berikut :-
 - Email kepada whistleblowing@unitedmalacca.com.my

- Lengkapkan dan hantarkan borang [Whistleblowing](#) secara atas talian.
- Masukkan dalam sampul surat yang bertulis “Sulit – Untuk Dibuka Oleh Penerima Sahaja” dan hantarkan melalui pos kepada:-

Ketua Pegawai Eksekutif
 United Malacca Berhad
 6th Floor, No. 61,
 Jalan Melaka Raya 8,
 Taman Melaka Raya,
 75000 Melaka.

KETIDAKPATUHAN / PELANGGARAN SCOC

UMB tidak akan berkompromi dengan sebarang ketidakpatuhan atau pelanggaran SCOC oleh pembekalnya. UMB berhak untuk menamatkan sebarang perjanjian perniagaan atau urusan komersial dengan pembekal dan memfailkan tindakan undang-undang mahkamah jika reputasi UMB telah tercemar akibat ketidakpatuhan/ pelanggaran SCOC ini.

REVISI

SCOC ini akan dikemaskini secara berkala oleh UMB apabila perlu. Pembekal bertanggungjawab untuk merujuk kepada versi terkini, yang boleh diakses di laman web rasmi UMB. SCOC tersedia dalam dua versi: Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan digunakan sebagai rujukan utama.

AKUAN

Kami, pembekal kepada UMB yang bertandatangan di bawah, bersetuju untuk mematuhi SCOC.

Cop Syarikat	
Nama Wakil Syarikat	
Jawatan	
Tandatangan	
Tarikh	